

11/12/1999

Terima kasih pengundi: Azmi

KANGAR, Jumaat - Ahli Parlimen Padang Besar, Datuk Azmi Khalid, menganggap pelantikannya sebagai menteri penuh iaitu yang pertama dari negeri ini, adalah penghormatan kepada Barisan Nasional (BN) dan rakyat Perlis.

Beliau yang dilantik sebagai Menteri Pembangunan Luar Bandar, bersyukur kepada Allah dan berterima kasih Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana memberi kepercayaan kepadanya memikul tugas itu.

Azmi, 58, yang sebelum ini adalah Timbalan Menteri Dalam Negeri juga mengucapkan terima kasih kepada mereka yang mengundi BN serta penyokongnya.

Beliau yang juga Ketua Umno bahagian Padang Besar bertekad melaksanakan tanggungjawabnya sebaik mungkin demi kepentingan negara dan rakyat, khususnya penduduk luar bandar.

(END)